



TARIKH : 19 OGOS 2021

**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta **berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga** yang masih sah berkuatkuasa serta telah berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**. Pelawaan adalah terbuka kepada kontraktor yang **beralamat di Negeri Kedah** sahaja dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN	DOKUMEN SEBUT HARGA DI KELUARKAN
MPLBP / SBT / 29 / 2021	MENAIKTARAF LAMPU JALAN LED 'SMART SYSTEM' DI JALAN PERSIARAN PUTERA, KUAH, LANGKAWI, KEDAH HARGA BORANG : RM 50.00	GRED : G2 @ G3 Kategori : ME Pengkhususan : E04 & E16 <i>*Kebenaran Khas Adalah Dibenarkan</i>	DIJUAL MULAI 19 OGOS 2021 TARIKH TUTUP SEBUTHARGA : 02 SEPTEMBER 2021
MPLBP / SBT / 30 / 2021	PEMASANGAN LAMPU HIASAN DI JALAN PANTAI CHENANG, MK. KEDAWANG, MP. LANGKAWI HARGA BORANG : RM 50.00	GRED : G2 @ G3 Kategori : ME Pengkhususan : E04 & E06 <i>*Kebenaran Khas Adalah Dibenarkan</i>	MASA : 12.00 TENGAHARI LAWATAN TAPAK TIDAK DIWAJIBKAN

2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati di **Kaunter Hasil** mulai **19 OGOS 2021 hingga 02 SEPTEMBER 2021** pada ketetapan masa **08.00 Pagi – 04.00 Petang (Ahad – Rabu)** dan **08.00 Pagi – 03.00 Petang (Khamis Sahaja)**. Sila bawa bersama sijil SSM dan CIDB asal serta resit pendaftaran kontraktor dengan pihak Majlis semasa membeli borang.
3. Penyebutharga juga boleh membuat bayaran secara atas talian melalui aplikasi **JomPay** atau **bayaran/pindahan wang atas talian** berikut :
- Aplikasi Jompay : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
Kod Bil (Biller Code) : 6890
Reference 1 : Nyatakan No. Sebut Harga
Reference 2 : No. Telefon & No. SSM Penyebutharga
 - Penama Akaun : Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
No. Akaun : 02066011060236
Bank : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
4. Penyebutharga hendaklah segera mengemukakan bukti pembayaran serta Borang Permohonan Sebut Harga kepada Urusetia Perolehan melalui hantaran kepada e-mel mplbpperolehan@gmail.com atau WhatsApp ke nombor 011-58923362 dan dokumen sebut harga akan diberikan secara atas talian dalam bentuk "soft copy" setelah bukti pembayaran di terima. Penyebutharga hendaklah memuat turun dan mencetak sendiri borang sebutharga tersebut.

5. Tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **TUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, 07000 KUAH, LANGKAWI, KEDAH D.A.** serta di hantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **02 SEPTEMBER 2021.**
6. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
7. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutarga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
8. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutarga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
9. Penyebutarga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RADZUAN BIN OSMAN.,AMK.,BCK.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Tarikh : 19 Ogos 2021

NOTA : BAGI PEMBAYARAN MELALUI KAEDAH ATAS TALIAN SILA ISIKAN BORANG PERMOHONAN DOKUMEN SEBUTHARGA YANG DISERTAKAN SEPERTI DI MUKA SURAT TERAKHIR.



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
BORANG PERMOHONAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Nama Syarikat	
Alamat Syarikat	
Nama Pemilik Syarikat (Seperti Dalam Sijil Pendaftaran Syarikat)	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (HP)	
Emel	
Borang Sebutharga Di Pohon	<input type="checkbox"/> MPLBP/SBT/29/2021 Menaiktaraf Lampu Jalan LED 'Smart System' Di Jalan Persiaran Putera, Kuah, Langkawi, Kedah Harga Borang : RM 50.00
	<input type="checkbox"/> MPLBP/SBT/30/2021 Pemasangan Lampu Hiasan Di Jalan Pantai Chenang, Mk. Kedawang, MP. Langkawi Harga Borang : RM 50.00
	<input type="checkbox"/> MPLBP/SBT/31/2021 Membekal, Memasang Dan Menguji Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) IP Network Di Bangunan Pejabat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Langkawi, Kedah. Harga Borang : RM 20.00
Kaedah Pembayaran	JomPay <input type="checkbox"/> Pindahan Atas Talian <input type="checkbox"/>
No. Resit/Slip Pembayaran (Reference ID)	
Jumlah Bayaran	RM

PERINGATAN :

1. Bersama-Sama Borang Permohonan Ini Adalah Wajib Dilampirkan Salinan Resit/Slip Pembayaran.
2. **Borang Ini Hanya Untuk Diisi Bagi Pembayaran Dan Permohonan Secara Atas Talian Sahaja.**
3. Maklumbalas Sebarang Urusan Adalah Dalam Tempoh Masa Dan Hari Bekerja Sahaja.
4. Talian Telefon Dan Whatsapps Hanya Aktif Dalam Tempoh Masa Dan Hari Bekerja Sahaja Selagi Tempoh Pelawaan Masih Sah. Talian Ini Tidak Lagi Aktif Tempoh Pelawaan Sebutharga Ini Tamat.

Tandatangan & Cop Syarikat :

Nama :
Tarikh :